

PETIKAN PERTAMA

[6 markah]

AUDIO
PETIKAN
PERTAMA

Arahan:

Dengar petikan cerpen ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan cerpen akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 1.

1. Berdasarkan petikan cerpen, apakah perasaan yang sedang melanda ayah?
 - A kecewa
 - B sedih
 - C bimbang
 - D geram

[1 markah]

2. Nyatakan sebab Oren tidak pulang ke rumah?

[2 markah]

3. Mengapakah Kelabu lebih mendapat perhatian dalam kalangan ahli keluarga berbanding Oren?

[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 4.

4. Perkara-perkara berikut adalah benar berkaitan petikan cerpen *Oren*, kecuali
 - A Ibu Oren mati kerana telah dilanggar kereta.
 - B Oren gembira kerana Kelabu hadir dalam keluarga tersebut.
 - C Oren tidak pandai mengambil kesempatan yang ada atas kehadiran Kelabu.
 - D Kemanjaan Kelabu menyebabkan Oren tersisih daripada perhatian ayah.

[1 markah]

PETIKAN KEDUA

[8 markah]



AUDIO
PETIKAN
KEDUA

Arahan:

Dengar petikan ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan rencana akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 1.

1. Siapakah yang mengatakan bahawa pokok kelulut mempunyai nilai perubatan?
 - A Pihak MARDI
 - B Orang kampung
 - C Pengamal perubatan
 - D Pengguna pokok kelulut

[1 markah]

2. Mengapakah kita mesti mengelakkan daripada melanggar pokok kelulut?

[2 markah]

3. Apakah persamaan antara pokok kelulut dan pokok kapal terbang?

[2 markah]

4. Senaraikan penyakit yang dipercayai dapat dikurangkan apabila menggunakan pokok kelulut.

[3 markah]

PETIKAN KETIGA

[8 markah]

AUDIO
PETIKAN
KETIGA

Arahan:

Dengar petikan dialog ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan dialog akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan dialog yang diperdengarkan.

1. Mengapakah Rina mengucapkan tahniah kepada Mariam?

[2 markah]

2. Nyatakan dua cara ayah memberi galakan kepada Rina berkaitan bidang fotografi.

[2 markah]

3. Senaraikan tiga perkara yang sudah dipelajari oleh Rina berkaitan fotografi.

[3 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 4.

4. Perkara-perkara berikut dibincangkan dalam perbualan antara Rina dengan Mariam, kecuali:
 - A Gambar foto Rina telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan fotografi sekolah.
 - B Rina bercita-cita hendak menjadi jurufoto ternama.
 - C Rina telah memenangi hadiah wang tunai bernilai RM500.00.
 - D Wang yang dimenangi akan disimpan oleh Rina di bank untuk kegunaan pendidikan pada masa hadapan

[1 markah]

PETIKAN KEEMPAT

[8 markah]

AUDIO
PETIKAN
KEEMPAT

Arahan:

Dengar petikan ucapan ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan ucapan akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan ucapan yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 1 dan Soalan 2.

1. Ucapan perpisahan ini disampaikan oleh
 - A guru SMK Taman Desa
 - B wakil pelajar
 - C ketua pengawas
 - D pengetua
2. Ucapan salam dan kata alu-aluan disampaikan kepada pendengar berikut, kecuali
 - A pengetua
 - B Puan Normah
 - C ibu bapa
 - D YDP PIBG

[1 markah]

[1 markah]

3. Senaraikan sifat Puan Normah yang dinyatakan dalam ucapan ini.

[4 markah]

4. Mengapakah Puan Normah terpaksa berpindah?

[2 markah]

4. Langkah-langkah untuk menarik minat remaja menyertai sukan lasak:
- Media massa mempromosikan pelbagai jenis sukan lasak.
 - Persatuan/badan tertentu lebih banyak menganjurkan sukan lasak pada pelbagai peringkat usia atau kategori.
 - Sukan lasak perlu diperkenal dan diperluas di peringkat sekolah.
 - Kementerian Belia dan Sukan menyediakan pelbagai kemudahan kepada remaja untuk menceburi bidang sukan ini.
 - Kerajaan merancang program jangka panjang untuk menggilap atlet muda dalam sukan lasak.
 - KBS menyediakan peruntukan/dana khas untuk memperkasa sukan lasak.
- (*** terima mana-mana jawapan yang relevan)

Bahagian B

Peranan ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak bersukan:

- Menjadi suri teladan yang terbaik kepada anak-anak. Ibu bapa haruslah menunjukkan semangat kesukanan dengan melakukan senaman atau riadah bersama-sama anak-anak.
- Ibu bapa perlu menyediakan peralatan sukan yang lengkap kepada anak-anak bagi mendorong minat anak-anak untuk bersukan.
- Ibu bapa boleh membawa anak-anak ke stadium dan tempat-tempat pertandingan yang menganjurkan pelbagai jenis kejohanan sukan sama ada peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa.
- Membelikan majalah sukan yang diminati oleh anak-anak mereka.
- Membimbing anak-anak mereka melayari internet untuk mendapat bahan tentang jenis sukan dan cara-cara atau teknik-teknik terbaik untuk permainan yang diminati.
- Memberikan sokongan moral dengan menghantar anak-anak mereka ke tempat latihan.
- Menggalakkan anak-anak bergiat aktif dalam aktiviti sukan di sekolah.

KERTAS 4

Petikan 1

1. C [1 m]
2. Sebab Oren tidak pulang ke rumah: [2 m]
 - Kerana kehadiran Kelabu
 - Iri hati kerana Kelabu selalu di samping ayah
 - Oren rasa tersisih
 [mana-mana 2 jawapan]
3. Kelabu lebih mendapat perhatian dalam kalangan ahli keluarga kerana: [2 m]
 - Oren tidak pandai mengambil kesempatan yang ada
 - Kelabu menggunakan kesempatan menunjukkan kemanjaannya
 - Kelabu mengambil kesempatan menunjukkan kejinakannya
 [mana-mana 2 jawapan]
4. B [1 m]

Petikan 2

1. C [1 m]
2. Kita mesti mengelakkan diri daripada terlanggar pokok kelulut kerana: [2 m]
 - Buahnya akan terlekat pada pakaian – 1m
 - Buahnya akan terlekat pada rambut – 1m
3. Persamaan antara pokok kelulut dan pokok kapal terbang: [2 m]
 - Mempunyai habitat yang sama
 - Kaedahnya sama untuk merawat luka-luka kecil
 - Daun ditumbuk sehingga lumat dan ditempelkan pada luka
 [mana-mana 2 jawapan]
4. Penyakit yang dipercayai dapat dikurangkan apabila menggunakan pokok kelulut. [3 m]
 - Sakit gigi – 1m
 - Sakit akibat luka-luka kecil – 1m
 - Demam yang berpanjangan – 1m

Petikan 3

1. Rina mengucapkan tahniah kepada Mariam kerana [2 m]
 - gambar foto Mariam telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan fotografi sekolah
2. Dua cara ayah memberi galakan kepada Rina berkaitan bidang fotografi: [2 m]
 - menggalakkannya menyertai pertandingan fotografi – 1m
 - memberikan banyak tunjuk ajar tentang teknik mengambil gambar yang baik – 1m
3. Tiga perkara yang dipelajari oleh Rina berkaitan fotografi: [3 m]
 - belajar tentang kelajuan pengatup kamera – 1m
 - kepekaan flem terhadap cahaya – 1m
 - jenis flem yang sepatutnya digunakan – 1m
4. B [1 m]

Petikan 4

1. B [1 m]
2. C [1 m]
3. Sifat Puan Normah: [4 m]
 - lembut – 1m
 - tenang – 1m
 - tegas – 1m
 - bertanggungjawab – 1m
 - bersungguh-sungguh – 1m
 [mana-mana 4 jawapan]
4. Sebab-sebab Puan Normah berpindah: [2 m]
 - mengikuti suami bertugas – 1m
 - telah dinaikkan pangkat – 1m